

TARIKH : 18 FEBRUARI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3

Malaysia masih jauh di belakang

Sukar untuk melihat majikan beri kenaikan gaji hingga 20 peratus seperti ramalan Randstad

Malaysia masih jauh di belakang

SHAH ALAM

Harapan pekerja tempatan di negara ini untuk menikmati kenaikan kadar gaji tahunan sehingga 20 peratus bagi menangani isu peningkatan kos sara hidup sebagaimana unjuran badan penyelidikan ekonomi bebas, Randstad mungkin tidak akan menjadi kenyataan.

Ini kerana data nisbah perbelanjaan gaji pekerja merangkumi keseluruhan sektor industri dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menunjukkan Malaysia masih jauh ketinggalan iaitu hampir dua kali ganda berbanding negara-negara maju lain.

Perkara itu dibuktikan me-



nerusi pengiraan bekas Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran berdasarkan laporan dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Menerusi laporan tersebut, Kulasegaran mendedahkan, nisbah gaji pekerja daripada KDNK negara berada pada 20 hingga 25 peratus, atau 20 hingga 25 sen bagi setiap nilai RM1, berbanding 40 hingga 45 peratus di kebanyakan negara maju.

Berikutan itu, beliau berpandangan, laporan tersebut membuktikan bayaran gaji pekerja di Malaysia adalah terlalu rendah.

"Ini bermakna majikan membuat keuntungan yang luar biasa. Angka itu adalah antara yang terendah berbanding negara



KULASEGARAN

Asia lain seperti Singapura yang membelanjakan 40 peratus daripada KDNK sebagai upah kepada pekerja.

"Sekiranya Singapura boleh membuat kelonggaran gaji sedemikian dan majikan di sana masih kaya raya, mengapa tidak di Malaysia?"

"Di negara luar, upah kepada pekerja rata-ratanya melebihi 60 peratus daripada KDNK. Gaji di Malaysia terlampau rendah kerana kita tidak sampai separuh daripada angka tersebut," katanya kepada *Sinar Premium*.

Kulasegaran bagaimanapun berkata, kenaikan gaji perlu difahami sebagai satu galakan ekonomi terutama di saat pengangguran sangat tenat berbanding negara lain.

"Perlu nya kenaikan gaji terutama umur 16 hingga 30 tahun. Sekiranya kita dapat

memberi galakan sedemikian, pekerja akan gembira mendapat gaji lumayan, malah negara juga akan lebih makmur.

"Tak mustahil kenaikan gaji adalah perkara yang positif. Kita sudah terlalu lama bergantung pada pekerja asing," ujarnya.

Jelas Ahli Parlimen Ipoh Barat itu lagi, sekiranya kenaikan gaji dapat direalisasikan, pekerja juga perlu meningkatkan kemahiran selari dengan usaha kerajaan.

"Semasa saya menjadi Menteri Sumber Manusia, saya mencadangkan kenaikan gaji selari dengan produktiviti. Sekarang kita sudah mengurangkan waktu bekerja dari 48 kepada 45 jam.

"Sayangnya, perkara ini tidak diberi keutamaan oleh majikan di Malaysia kerana bimbang kemungkinan pekerja mereka berhijrah ke tempat lain atau menuntut gaji lebih tinggi," ujarnya.

Menurut Laporan Pasaran Pekerjaan dan Trend Gaji 2023 yang diterbitkan oleh Randstad, kenaikan kos sara hidup dan peningkatan inflasi di Malaysia memberikan kesan terhadap kemampuan rakyat untuk membiayai barangan keperluan serta gaya hidup.

Oleh itu, pekerja di negara ini dijangka menerima pelarasan gaji tiga hingga 20 peratus bergantung kepada industri, dengan industri pertumbuhan tinggi seperti teknologi dan pembuatan bakal menyaksikan perubahan lebih besar dalam struktur gaji dalaman.

